

20 AUG 2002

Cuepacs-SSM

CUEPACS TERIMA SSM TAPI MAHU KUMPULAN SOKONGAN DIBERI KENAIKAN LEBIH

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menerima pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB), tetapi mahukan kadar kenaikan gaji RM15 bagi Kumpulan Sokongan ditambah.

Bercakap kepada pemberita selepas seminar sehari SSM anjuran Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta Mesyuarat Khas Majlis Cuepacs di sebuah hotel di sini, Presiden kongres itu Datuk N.Siva Subramaniam berkata kesemua 130 gabungan bersetuju dengan pelaksanaan yang akan berkuatkuasa pada 1 November ini.

Namun katanya, mereka tidak berpuashati dengan kenaikan gaji RM15 bagi Kumpulan Sokongan yang melibatkan 600,000 kakitangan berpendapatan rendah dan meminta kerajaan agar menimbang satu kadar yang lebih sesuai dan munasabah.

"Jadi pemimpin-pemimpin kesatuan mahukan ia (jurang dengan kumpulan lain) dirapatkan...angka yang munasabah bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pada 29 Julai pelaksanaan SSM yang bersandarkan kepada peningkatan kecekapan dan pengetahuan kakitangan perkhidmatan awam yang kini berjumlah hampir 950,000 orang.

Dr Mahathir turut mengumumkan bahawa bersesuaian dengan SSM, pindaan akan dilakukan pada mata gaji yang memberi peningkatan RM15 bagi Kumpulan Sokongan, RM65 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta Rm110 bagi kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Siva berkata pemimpin gabungan yang mewakili kedua-dua kumpulan pengurusan turut menyatakan sokongan kepada Kumpulan Sokongan ini bagi mendapatkan kadar yang sesuai.

Ditanya mengenai kadar munasabah yang Cuepacs mahukan, Siva berkata kongres akan memberikan cadangannya dalam satu pertemuan dengan Perdana Menteri kelak.

"Kerajaan sentiasa prihatin kerana kita tidak membuat tuntutan melulu. Kita yakin dan positif dan berjanji terus bekerja keras meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Siva berkata mesyuarat majlis hari ini turut memutuskan untuk merayu kepada kerajaan bagi menimbang beberapa perkara termasuk menyegerakan kajian elaun-elaun yang Cuepacs telah lama meminta dinaikkan kadar atau dibuat perubahan.

Antara elaun yang Cuepacs mahu dibuat kajian adalah imbuhan tetap perumahan, elaun hotel dan elaun khidmat awam.

Cuepacs juga mahukan agar peperiksaan penilaian tahap kecekapan khasnya untuk Kumpulan Sokongan dipermudahkan dan tidak menyusahkan kakitangan kumpulan ini.

Menurut Siva, Cuepacs sedang merangka satu kaedah bagi membolehkan peluang yang lebih banyak bagi kakitangan Kumpulan Sokongan meningkatkan kerjaya mereka dalam sektor awam memandangkan kumpulan ini adalah tulang belakang kerajaan.

"Jangan seorang pembantu pejabat bila bersara hanya sebagai pembantu pejabat. Kita mahu ada peluang meningkatkan kerjaya dengan lebih baik," katanya.

Kongres itu juga mahukan kerajaan menimbang agar gred lantikan diberi dua lapisan gaji seperti mana yang dinikmati oleh gred kenaikan pangkat.

Pada masa ini gred lantikan mempunyai tiga lapisan gaji, gred kenaikan pangkat (dua lapisan gaji) dan gred Jusa atau jawatan utama sektor awam, satu lapisan gaji.

"Ramai yang berpendapat bahawa ada banyak perubahan (dalam SSM) dan objektifnya adalah nyata. Tapi kita nak baiki nasib Kumpulan Sokongan... kita mahu Perdana Menteri campurtangan dan selesaikan masalah-masalah ini," katanya.

-- BERNAMA

RV AHH ZB